

Pak Lah miliki segalanya apabila ambil alih jawatan PM

UM 24/10/03

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memiliki segala kelayakan yang diperlukan termasuk pengalaman, kemampuan dan sokongan pemimpin serta rakyat untuk menjadikannya lebih menonjol apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kelayakan tersebut akan mencetuskan peluang yang luas untuk Abdullah merealisasikan idea-idea baru demi kebaikan negara.

“Apabila dah jadi Perdana Menteri nanti, tentu beliau (Abdullah) akan lebih menonjol dengan kebijaksanaan, kemampuan, idea-idea tersendiri untuk menambah tokok apa yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri sekarang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan seminar Kepentingan Harta Intelektual Untuk Pembangunan IKS dan

Ekspo SME2003, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa bakal penggantinya, Abdullah akan lebih menonjol kewibawannya apabila mengambil alih kedudukan Perdana Menteri akhir bulan ini.

Perdana Menteri berkata, timbalannya akan menjadi pemimpin yang kuat dan disegani oleh masyarakat dalam dan luar negara apabila mengetahui kekuatan sebenar Abdullah.

Dr. Mahathir berkata, pada waktu ini kemampuan itu belum terserlah sepenuhnya disebabkan Abdullah belum lagi menjadi Perdana Menteri.

Muhyiddin berkata, Dr. Mahathir dan seluruh rakyat dapat menerima

kepemimpinan Abdullah kerana yakin dengan kelayakan yang dimilikinya itu.

“Tentunya ia (peralihan kuasa) akan memberi banyak peluang untuk beliau (Abdullah) menonjolkan diri dalam banyak bidang dari segi pembangunan ekonomi, sosial, agama dan bidang-bidang penting lain,” katanya.

Beliau berkata, dasar dan agenda negara diyakini dapat diteruskan dengan berjaya walaupun gaya kepimpinan Abdullah kemungkinan besar berlainan dengan Dr. Mahathir.

Katanya, dasar tidak akan berubah kerana ia digubal oleh Kabinet yang turut membabitkan Abdullah dan bukan bergantung kepada seorang tokoh sahaja.

“Tentu dasar negara akan diteruskan walaupun gaya mungkin ada perubahan sedikit tetapi tak lari daripada matlamat asal,” katanya.